

Tempoh tiga tahun munasabah

SHAH ALAM - Tempoh tiga tahun untuk memulihkan masalah kewangan dan hutang negara adalah munasabah.

Penganalisis ekonomi, **Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharuddin** berkata, walaupun boleh dilakukan namun memerlukan masa dan tidak berlaku secara automatik.

“Ia juga satu saranan baik dan kita harus merancang ke arah masa depan itu (dalam menguruskan kewangan negara). Jika berhutang, perlu buat perancangan untuk menyelesaikannya. Jika tidak dirancang, nampak kerajaan tidak tahu untuk menyelesaikannya,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang yakin masalah pentadbiran dan kewangan negara akan dapat dipulihkan dalam tempoh tiga tahun.

Berhubung kenyataan Perdana Menteri itu, Amir berkata, saranan ‘ikat perut’ tak bermakna akan menambah susah pada rakyat.

“Hakikat jika berhajat selesaikan hutang-piutang harus berjimat cermat untuk beberapa tempoh agar hutang



AMIR HUSSIN



AHMED RAZMAN

dapat diselesaikan,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), **Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata, tekad kerajaan untuk menyelesaikan masalah hutang negara perlu dipuji.

“Jika hutang tidak dikawal, kita bakal berdepan masalah yang serius seperti yang dialami oleh kerajaan Greece, Venezuela dan Zimbabwe.

“Negara juga boleh kehilangan aset strategik jika kita tidak mampu menguruskan hutang-hutang. Negara mampu menyelesaikan masalah hutang ini dengan menambahkan pendapatan melalui pelbagai sektor industri baharu seperti ekonomi digital,” katanya.